



مَجْلِسُ وَبَنْدَرَانْ كَاغَرِ پَرَلِسْ
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR PERLIS
No. 192, Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar
PERLIS

☎ 04-9762188
☎ 04-9766052
🌐 www.mpkangar.gov.my
✉ mpkpls@mpkangar.gov.my

Ruj. Kami : MPK.Ps. 08/437 (46)

Tarikh : 22 November 2021

Kepada :

Semua Peniaga / Pemilik

Premis Kedai / Gerai Perniagaan Makanan / Minuman

Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kangar.

Tuan / Puan

PELAKSANAAN GARIS PANDUAN UMUM MENGENAI STANDARD PERKHIDMATAN DAN PREMIS KEDAI / GERAJ PERNIAGAAN MAKANAN DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Perlis telah meluluskan Garis Panduan Umum Mengenai Standard Perkhidmatan Dan Premis Kedai / Gerai Perniagaan Makanan (seperti di **Lampiran A** berkepil) untuk dikuatkuasakan di seluruh Negeri Perlis. Garis panduan ini bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap kebersihan dan standard penyediaan serta perkhidmatan makanan di semua premis kedai / gerai makanan di seluruh negeri selaras dengan usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk mempromosi Negeri Perlis sebagai destinasi makanan pilihan bagi menarik kehadiran lebih ramai pelancong / pengunjung ke Negeri Perlis. Langkah ini akhirnya kelak akan memberikan manfaat secara langsung kepada tuan / puan sendiri selaku peniaga / pemilik premis kedai / gerai makanan.

3. Untuk tujuan itu, Kerajaan Negeri juga telah memutuskan supaya semua premis kedai dan gerai makanan / minuman di Negeri Perlis melaksanakan perkara-perkara yang terkandung di dalam Garis Panduan tersebut bermula dari **1 Januari 2022**. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal pelaksanaan, pihak Majlis akan memberikan kelonggaran tertentu dari segi penguatkuasaan untuk suatu tempoh masa yang bersesuaian bagi membolehkan semua peniaga / pemilik premis mematuhi perkara-perkara yang ditetapkan dalam Garis Panduan tersebut.

.../2-

PEJABAT CAWANGAN ARAU
No. Tel. 04-9860406
No. Fax 04-9860407

PEJABAT CAWANGAN KUALA PERLIS
No. Tel. 04-9851876
No. Fax 04-9855468

PEJABAT CAWANGAN SIMPANG EMPAT
No. Tel. 04-9809596
No. Fax 04-9855468

PEJABAT CAWANGAN PADANG BESAR
No. Tel. 04-9490533
No. Fax 04-9492653

JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA
No. Tel. 04-9767126
No. Fax 04-9767125

UNIT SENI TAMAN
No. Tel. 04-9777454
No. Fax 04-978109

4. Sehubungan dengan itu, tuan / puan sebagai peniaga / pemilik premis kedai dan gerai makanan / minuman adalah diminta untuk menjadikan Garis Panduan ini sebagai rujukan dan seterusnya mengambil usaha-usaha yang sepatutnya untuk melaksanakan perkara-perkara yang terkandung di dalam Garis Panduan tersebut. Pihak Majlis akan melaksanakan pemantauan dari masa ke semasa untuk memastikan Garis Panduan tersebut akhirnya dapat dilaksanakan sepenuhnya.

5. Segala sokongan dan kerjasama daripada pihak tuan / puan dalam menjayakan inisiatif ini amatlah dihargai dan marilah kita bersama-sama menjadikan negeri kita ini sebagai destinasi makanan yang terbaik di Malaysia, khususnya dari segi tahap kebersihan dan standard perkhidmatan.

Sekian. Terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(NORAZLAN BIN YAHAYA)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kangar
Perlis


**GARIS PANDUAN UMUM MENGENAI STANDARD PERKHIDMATAN
DAN PREMIS / GERAJ PERNIAGAAN MAKANAN DALAM KAWASAN
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR**

1. Lesen premis yang sah hendaklah sentiasa dipamerkan di suatu tempat yang mudah dilihat dan diperiksa pada setiap masa.
2. Premis perniagaan yang dilesenkan hendaklah digunakan untuk aktiviti yang tercatat dalam lesen sahaja.
3. Perniagaan yang dijalankan hendaklah tidak menimbulkan sebarang risiko keselamatan, kacau ganggu atau pencemaran terhadap persekitaran.
4. Pengusaha, pekerja dan pengendali makanan hendaklah mendapatkan suntikan anti-tifoid dan apa-apa suntikan / pemeriksaan yang disyaratkan oleh undang-undang.
5. Pengusaha, pekerja dan pengendali makanan hendaklah menghadiri Kursus Pengendali Makanan di pusat-pusat latihan pengendali makanan yang diiktiraf Kementerian Kesihatan Malaysia.
6. Pengusaha, pekerja dan pengendali makanan hendaklah sentiasa memakai pakaian dan apron yang bersih, kasut yang bertutup dan penutup kepala yang bersesuaian semasa mengendalikan makanan.
7. Pengusaha, pekerja dan pengendali makanan adalah **DILARANG** untuk melakukan perkara-perkara berikut :
 - a. Berkuku panjang dan kotor
 - b. Menyentuh dan mengambil makanan yang dimasak dengan tangan (hendaklah menggunakan sarung tangan dan peralatan yang sesuai).
 - c. Merokok, menghisap paip, menghisap cerut, menghisap tembakau, makan sيره termasuk menggunakan rokok elektronik atau apa-apa perbuatan seumpamanya semasa mengendalikan makanan.
 - d. Memakai baju tanpa lengan, seluar pendek atau selipar semasa mengendalikan makanan.
 - e. Melakukan perbuatan menjilat jari, menggaru kepala dan badan, mengorek hidung dan telinga atau apa-apa yang menyentuh terus antara kulit ke kulit semasa mengendalikan makanan.
8. Setiap premis perniagaan digalakkan mempunyai sekurang-kurangnya satu platform pembayaran tanpa tunai (*cashless*) atau secara dalam talian (*online*).


9. Pengusaha, pekerja dan pengendali makanan hendaklah memberikan perkhidmatan dan layanan yang baik kepada pelanggan.
10. Bekalan air hendaklah dari sumber air yang bersih daripada bekalan air awam atau air paip.
11. Pengusaha hendaklah menyediakan sinki dan sabun yang bersesuaian dan mencukupi untuk kegunaan pekerja dan pelanggan.
12. Peralatan yang digunakan hendaklah dipastikan sentiasa bersih dan dalam keadaan yang baik. Kerja mencuci peralatan tidak boleh sama sekali dilakukan di atas lantai premis, kaki lima, lorong atau longkang.
13. Tong sampah yang berpenutup hendaklah disediakan dengan mencukupi. Sampah hendaklah dimasukkan terlebih dahulu ke dalam beg plastik sampah sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.
14. Sekiranya penyediaan makanan dan cucian peralatan dijalankan di premis / gerai, pengusaha hendaklah memasang perangkap sisa minyak mengikut standard yang ditetapkan dan diselenggara secara berkala. Sisa makanan dilarang dilupuskan sama sekali ke dalam longkang.
15. Pemantauan dan kawalan serangga perosak seperti tikus, lipas, lalat dan lain-lain hendaklah dilakukan secara berkala.
16. Bagi premis yang mempunyai tandas, hendaklah dipastikan tandas sentiasa bersih dan berfungsi dengan baik.
17. Majlis Perbandaran Kangar berhak untuk membatalkan lesen sekiranya :
 - a. Terdapat pelanggaran terhadap garis panduan ini, syarat-syarat lesen, undang-undang atau peraturan yang diguna pakai oleh MPK.
 - b. Perniagaan yang dijalankan menyebabkan bahaya dan kacau ganggu terhadap keselamatan, alam sekitar dan kesihatan orang awam.
 - c. Tidak mematuhi aspek 3K (Keselamatan, Kebersihan dan Kacau Ganggu).
18. Syarat-syarat lain adalah seperti yang terkandung di dalam Akta Makanan dan Undang-Undang Kecil Kawalan Dan Penyeliaan Tempat-Tempat Makan (Majlis Perbandaran Kangar). Majlis Perbandaran Kangar juga berhak untuk meminda, membatalkan atau menambah apa-apa syarat yang sesuai dari masa ke semasa.

PAKAIAN PENGENDALI MAKANAN YANG BAIK

**MEMAKAI
TOPI ATAU
PENUTUP
KEPALA**



**MEMAKAI
PAKAIAN
YANG
BERSIH DAN
SERAGAM**



**MEMAKAI
APRON
YANG
BERSIH DAN
SERAGAM**



**MEMAKAI
KASUT
BERTUTUP**



CONTOH PENAMPILAN SERAGAM PENGENDALI MAKANAN

CONTOH PAKAIAN DAN PENUTUP KEPALA PENGENDALI MAKANAN



CONTOH KASUT BERTUTUP UNTUK PENGENDALI MAKANAN

